

BAB 3

PELAKSANAAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DI PASTI UMMU

AIMAN

3.1 Pendahuluan

Pusat Asuhan Tunas Islam PASTI merupakan salah satu pusat pendidikan awal kanak-kanak yang ada di Malaysia. Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) merupakan salah satu dari puluhan malah ratusan pusat pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Perkembangan PASTI yang dilihat terkehadapan berbanding pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak yang lain sejak kebelakangan ini disebabkan oleh sambutan luar biasa dari para ibu bapa yang memilih PASTI sebagai tempat pendidikan yang dipercayai untuk mendidik anak mereka.¹ Justeru, tidak hairanlah PASTI telah berjaya bertapak dan membuka cawangan di seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. PASTI menjadi pilihan ibu bapa kerana pendekatan dan modul yang digunakan di prasekolah mereka telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar ataupun kanak-kanak yang berkualiti dan berakhhlak mulia.

3.2 Kurikulum Dan Pendidikan

Kurikulum merupakan asas yang penting dalam pendidikan formal di Malaysia. Umumnya kurikulum merangkumi segala kegiatan sekolah yang formal iaitu merupakan aktiviti-aktiviti dan pengalaman-pengalaman yang sengaja dirancang oleh pihak sekolah untuk mencapai objektif sama ada dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.² Kurikulum formal ialah rancangan di mana aktiviti pembelajaran dijalankan supaya

¹ Pn. Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia 4 Tahun (K4T)), dalam temu bual dengan pengkaji , 18 Mei 2011.

² Ishak Ramly *Inilah Kurikulum Sekolah* (Kuala Lumpur: PTS Profesional, 2005),7

matlamat atau objektif pendidikan dan sekolah tercapai. Ia merupakan satu set dokumen untuk dilaksanakan. Ia mengandungi hal sebenar yang berlaku di bilik darjah dan apa yang telah disediakan dan dinilai. Setiap sekolah ada kurikulum terancang iaitu satu set objektif yang berstruktur dengan kandungan dan pengalaman belajar serta hasil yang dijangkakan.³

Terdapat pelbagai definisi yang telah diberikan oleh pakar-pakar dan pengkaji berkenaan dengan kurikulum. Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (1979) mendefinisikan kurikulum sebagai segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu⁴ :

- i. Bahagian yang meliputi sukanan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Bahagian yang meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (kokurikulum) seperti kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam, dan lain-lain.

Kurikulum juga bermaksud suatu siri rancangan pengajaran yang disusun bertujuan membolehkan pelajar menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan aplikasi ilmu tersebut. Ia meliputi segala matlamat pembelajaran yang dirancang termasuklah pengalaman dan kaedah mengajar, bahan-bahan pengajaran serta teknik penilaian yang dirancang.⁵

³ Ilmu Dan Aplikasi Pendidikan Bagian I: Ilmu Pendidikan Teoreti (Jakarta: PT Imperial Bhakti Utama,2007)98.

⁴ Laporan. Jawatankuasa Kabinet. Mengkaji. Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) , 66.

⁵ Shahabudin Hashim, Rohizani Yaakub, Mohd. Zohir Ahmad *Pedagogi Strategi dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Darjah*(Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd,2007),91.

Justeru dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia, kurikulum adalah proses merencana, memadatkan, menyepadukan, mentafsirkan, isi ataupun maksud dan objektif kurikulum. Kurikulum juga berkaitan dengan menterjemahkan isi kandungan pelajaran dan melaksanakannya dalam bentuk pengajaran bagi suatu disiplin ilmu.⁶

Di sebalik penekanan kepada kurikulum formal terdapat satu bentuk kurikulum tersirat yang tidak dinyatakan secara nyata tetapi menjadi agenda utama bagi sesebuah negara. Sebagai contoh negara kita Malaysia menekankan dari aspek perpaduan yang merupakan agenda utama negara. Justeru penerapan perpaduan ini akan diserapkan ke dalam apa jua bidang. Oleh itu, adalah penting kurikulum tersirat difahami dengan jelas oleh warga pendidik supaya penerapan dan pengajaran dilakukan secara sedar.⁷

Lantas, dalam pendidikan prasekolah, semestinya memerlukan kurikulum yang lengkap supaya proses pengajaran dan pembelajaran lebih kreatif dan mengembirakan.⁸ Matlamat utama kurikulum prasekolah ialah membantu kanak-kanak meneroka dan memahami persekitaran mereka secara berkesan.⁹

3.3 Latar belakang PASTI Ummu Aiman

PASTI Ummu Aiman ditubuhkan pada tahun 1990 oleh barisan pemuda PAS cawangan Dun Ulu Kelang untuk memberi kemudahan kepada para ahli PAS dan masyarakat di sana untuk mendapat pendidikan Prasekolah yang menerapkan unsur Islam secara langsung. PASTI Ummu Aiman merupakan antara perintis kepada kurikulum baru K4T yang baru diperkenalkan oleh pihak pengurusan pada tahun 2005. PASTI Ummu Aiman

⁶ Ishak Ramly *Inilah Kurikulum Sekolah* (Kuala Lumpur: PTS Profesional, 2005),7

⁷ Shahabudin Hashim, Rohizani Yaakub, Mohd. Zohir Ahmad *Pedagogi Strategi dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Bilik Darjah*(Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd,2007),92.

⁸ Rohani Abdullah, Nani Menon, Mohd Sharani, Panduan Kurikulum Prasekolah (ed)(Kuala Lumpur:PTS Profesional publishing Sdn. Bhd, 2007), 25.

⁹ Rohani Abdullah, Nani Menon, Mohd Sharani, Panduan Kurikulum Prasekolah (ed), 25.

jugalah menawarkan pendidikan kepada pelajar berusia lima dan enam tahun.¹⁰ Di samping itu juga PASTI Ummu Aimah memperkenalkan pengajaran pra tahfiz kepada para ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka. Manakala kepimpinan PASTI (pada tahun 2011 ketika kajian dilakukan) Ummu Aimah diketuai oleh Ustaz Hasbullah Mohd Ridzwan sebagai pengurus dan dibantu oleh Muhamad Azizul Abu Bakar dan Md Ishak Marzuki sebagai Timbalan Pengurus 1 dan Timbalan pengurus II. Manakala jawatan setiausaha disandang oleh Mohd Nazif Mohd Nasir bersama Ahli Jawatankuasa yang dianggotai oleh pemuda PAS kawasan iaitu Normazali Zainal, Ahmad Abdullah Sanek, Mohd Habibullah Abdullah, Puan Ruhaiza Mohamed, Puan Napisah Nawi, Mohd Ihsan Lim Abdullah, Mohd Asri Mohd Nor, Kassim Su, Puan Norita Salleh, Puan Khairiah Mohd, Puan Norishah Mustanuddin dan Puan Salsabila Zainol (Tahun 2012).¹¹

Sejarah penubuhan PASTI telah bermula lebih awal daripada usia 25 tahun. Ketika PAS berada dalam Barisan Nasional (BN) antara 1973 hingga 1977, sebahagian besar gerakan dakwah Islam, terutamanya bidang kepemudaan digerakkan melalui Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ketika itu dipimpin oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Allahyarham Datuk Fadzil Mohd Noor. ABIM pada ketika itu dianggap sebagai sayap belia PAS. Pada 1976, ketika jawatan Presiden ABIM sedang dipangku oleh Ustaz Fadzil Mohd Noor, telah tercetus idea untuk menujuhkan institusi pendidikan prasekolah Islam untuk kanak-kanak Islam. Hasilnya, dua buah institusi pendidikan prasekolah perintis ditubuhkan oleh ABIM di Melaka dan Kedah pada 1976 atas nama Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI).¹²

¹⁰ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

¹¹ Pn Norita, (Pengurus PASTI Ummu Aimah), dalam temu bual dengan pengkaji, 9 Mei 2012.

¹² Lamam Web Pusat Asuhan Tunas Islam Negeri Johor “ Sejarah PASTI” dicapai pada 15 Dis 2011 http://pastijohor.net/index.php?option=com_content&task=view&id=21&Itemid=32 .

Melihat perkembangan dan sambutan yang semakin baik terhadap TASKI, pada 1977 satu bengkel pelajaran dan pendidikan sempena Muktamar Sanawi ABIM telah diadakan untuk membincangkan keperluan menubuhkan institusi pendidikan prasekolah Islam sebagai model pendidikan yang berteraskan falsafah Pendidikan Islam. Semenjak itu, TASKI telah tumbuh berkembang ke seluruh negara dan mendapat sokongan daripada ahli-ahli PAS dan ABIM bukan sahaja menubuhkan cawangan-cawangan TASKI, tetapi menghantar anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan awal berteraskan Islam sesuai dengan era kebangkitan Islam ketika itu. Pada April 1979, TASKI telah dilancarkan secara rasmi oleh PAS dengan seliaan oleh ABIM.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1982 gerakan Islam telah dikejutkan dengan penyertaan Presiden ABIM, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam Umno. Ini menyebabkan pimpinan ABIM berpecah sama ada menyokong Datuk Seri Anwar bersama Umno atau memilih PAS iaitu parti yang menjadi induk kepada ABIM sebelumnya. Kesan ini turut diterima secara langsung oleh TASKI sehingga menyebabkan pengurusan TASKI berpecah dua sama ada kekal bersama ABIM atau beralih kepada PAS. Pergolakan pengurusan ini telah mendorong Dewan Pemuda PAS Kelantan mengambil langkah menggabungkan semua TASKI milik ahli PAS Kelantan di bawah satu institusi baru yang dinamakan pusat tarbiah anak-anak Islam (PUTRA Islam) pada tahun 1984. Sebaliknya, Dewan Pemuda PAS Terengganu yang mengadakan seminar pengurusan TASKI pada 25 Disember 1985 untuk mengawal selia semua TASKI yang bernaung di bawah PAS Terengganu semenjak 1980 telah bersetuju mengekalkan nama TASKI bagi semua institusi pendidikan prasekolahnya.¹³

¹³ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

Dua langkah proaktif dewan pemuda PAS Kelantan dan Terengganu ini merupakan titik mula kepada terbina sejarah PASTI. Langkah ini kemudiannya diikuti oleh PAS Kedah yang mula mengatur semula pengurusan semua PASTI milik ahli PAS Kedah di bawah satu pengurusan pada tahun 1986. Hasilnya, pada 1987 PAS Kedah telah berjaya mewujudkan satu pengurusan baru pendidikan prasekolah yang dinamakan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). Nama PASTI telah dicadangkan oleh Naib yang Dipertua Agung PAS, Ustaz Nakhaie Ahmad. Ini diikuti oleh penyusunan semula institusi prasekolah milik ahli PAS di Wilayah Persekutuan pada 1986, Pulau Pinang pada 1986 dan Melaka pada 1987.

Menyedari kepentingan institusi prasekolah ini kepada usaha-usaha dakwah PAS, maka pada 29 Mac 1987, mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS pusat telah bersetuju supaya usul Pendidikan Islam dibahaskan dalam Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS ke-28 pada 10 April 1987. Setelah usul ini diterima oleh Muktamar, Dewan Pemuda PAS yang dipimpin oleh Ustaz Abdul Halim Arshat pada 27 Jun 1987 berkenaan masalah TASKI milik PAS kawasan dan cawangan yang bergerak tanpa penyelarasan, tiada sukatan pelajaran dan tidak mempunyai buku teks, supaya diwujudkan satu lajnah khusus untuk menyelesaikan masalah pendidikan ini. Di samping itu usul tersebut mengesahkan diadakan satu seminar pendidikan untuk mengumpulkan semua pengusaha TASKI PAS bagi mewujudkan penyelarasan. Bagi tujuan penyelarasan tersebut, Dewan Pemuda PAS Pusat pada 9 Januari 1988 telah membuat satu arahan kepada Dewan Pemuda PAS Kelantan dan Terengganu supaya menghantar kurikulum TASKI Terengganu dan PUTRA Islam Kelantan untuk dijadikan asas sukatan pendidikan semua prasekolah milik PAS. Sebuah unit yang dinamakan Jabatan Pendidikan Prasekolah Dewan Pemuda PAS Pusat telah ditubuhkan pada 6 Mei

1988 dengan diketuai oleh Ustaz Abu Bakar Abdullah, dan dibantu oleh Cikgu Noh Ahmad dan Ishak Ismail. Dewan Pemuda PAS Pusat pada tarikh tersebut juga telah bersetuju menerima PASTI sebagai nama rasmi semua institusi pendidikan presekolah milik PAS di seluruh negara. Semenjak itu, TASKI milik PAS mula dikenali secara rasmi sebagai PASTI.¹⁴

Kepimpinan PASTI bermula secara rasmi apabila Dewan Pemuda PAS Pusat menubuhkan Jabatan Pendidikan prasekolah pada 6 Mei 1988 untuk mengurus dan menyelaraskan semua institusi prasekolah PAS. Pada peringkat awal, tiga tokoh yang memainkan peranan besar dalam pentadbiran PASTI ialah Ustaz Abu Bakar Abdullah dan Cikgu Noh Ahmad. Ustaz Abu Bakar Abdullah telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan tersebut dengan dibantu oleh Ustaz Ishak sebagai Setiausaha. Walau bagaimanapun, mulai 29 April 1989, Jabatan Pendidikan prasekolah telah diserapkan sebagai satu unit di bawah Lajnah PASTI. Ustaz Abu Bakar Abdullah kekal sebagai pengarah PASTI, di samping dewan pemuda PAS, Ustaz Abu Bakar Chik selaku Pengurusi Lajnah Tarbiah dan Pendidikan.

Pada 18 Mei 1989, Jabatan PASTI diwujudkan semula dengan Ustaz Abu Bakar Abdullah sebagai Pengarah PASTI merangkap Setiausaha Lajnah Tarbiah dan Kepimpinan. Haji Hajib Fahmi Yahya dilantik sebagai Timbalan Pengarah, manakala Ustaz Ishak Ismail dan Cikgu Noh Ahmad masing-masing sebagai Setiausaha dan Bendahari PASTI. Pengarah-pengarah PASTI negeri secara automatik menjadi ahli jawatankuasa. Setelah beberapa tahun memimpin PASTI, tugas sebagai Pengarah PASTI diambil alih oleh cikgu Noh Ahmad untuk meneruskan perjuangan PASTI pada tahun

¹⁴ Pusat Asuhan Tunas Islam Miri “ Sejarah PASTI” dicapai pada 15 Dis 2011
<http://pastimyy.wordpress.com/falsafah-pendidikan-pasti/>

1993. Perubahan kepimpinan ini telah memberikan imej baru kepada PASTI daripada zaman kemunculan kepada zaman pembangunan.

Di bawah pimpinan Cikgu Noh Ahmad, PASTI telah menerokai pelbagai usaha untuk memperkuatkannya dengan penyelarasaran struktur organisasi termasuk menukar nama daripada Jabatan PASTI dan Sekolah kepada Jabatan PASTI. PASTI juga telah memajukan kurikulum pendidikan, latihan pengurusan dan perguruan, di samping terus berperanan mendekati masyarakat. Antara tokoh penting yang bergerak bersama-sama dalam membangun PASTI ialah Ustaz Zakaria Dagang, Haji Manja Loden, Dr. Rainey Azmi Ali, Cikgu Roseman Abdul Rahman, Cikgu Azrin Ab. Majid, Ustaz Nazri Mohd Yusuf, Sallahudin Mahmud, dan lain-lain lagi. Kepimpinan beliau sebagai ketua pengarah PASTI berakhir pada tahun 1999 apabila beliau tidak lagi menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat kerana faktor usia.

Perubahan kepimpinan kali ketiga pada tahun 1999 telah meletakkan Cikgu Azrin Ab. Majid sebagai Ketua Pengarah PASTI. Ia sekali lagi memberi nafas baru kepada institusi tersebut dalam menyumbang bakti kepada agama, negara dan bangsa. Gandingan kepimpinan beliau bersama Ustaz Zakaria Dagang, Cikgu Roseman Abdul Rahman, Dr. Rainey Azmi Ali, Cikgu Rosli Darus, Cikgu Hassan Aladi, Khairul Faizi Ahmad Kamil dan lain-lain terus membawa PASTI ke hadapan. Era kepimpinan Cikgu Azrin, PASTI menerima tekanan yang kuat termasuk beberapa usaha menyaman, menutup dan mengharamkan PASTI. Tetapi usaha gigih barisan kepimpinan PASTI berjaya meletakkan institusi ini di persada masyarakat.¹⁵

¹⁵ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

3.4 Falsafah Pendidikan PASTI

Sebelum pengkaji menyentuh berkenaan falsafah PASTI, pengkaji terlebih dahulu akan mengariskan visi dan misi PASTI. Visi utama PASTI ialah melahirkan kanak-kanak soleh pintar di Malaysia melalui pendidikan berteraskan Islam. Manakala misi PASTI pula ialah melaksanakan program pendidikan yang cekap, berkualiti dan berkesan bagi menjadikan PASTI sebagai pilihan utama masyarakat Malaysia.¹⁶ Misi dan visi di atas disokong oleh piagam pelanggan PASTI iaitu :

- a) Pelajar dapat menguasai kemahiran asas 5M (membaca, menulis, mengira, menghafal dan mengamal). Sedikit berbeza dengan konsep kemahiran asas yang ditekankan oleh Kurikulum Prasekolah Kebangsaan iaitu menekankan 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul).
- b) Sentiasa mengemaskini proses pengajaran dan pembelajaran selari dengan perkembangan terkini dalam pendidikan awal kanak-kanak.
- c) Menyediakan suasana pembelajaran kondusif bagi menjamin persekitaran pembelajaran yang sihat dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan sempurna.
- d) Sentiasa proaktif terhadap teguran, saranan dan pandangan ke arah kecemerlangan pendidikan PASTI.
- e) Sentiasa mengembangkan potensi murid berdasarkan kecenderungan bakat dan kebolehan masing-masing.

PASTI telah menjadi pilihan masyarakat pada hari ini berdasarkan graf bilangan pelajar yang semakin meningkat dari hari ke hari. Pada tahun 1994, PASTI mempunyai


¹⁶PASTI Malaysia “Visi dan Misi” dicapai pada 15 Dis 2011 <http://pastipusat.wordpress.com/visi-dan-misi/>.

25,846 orang pelajar manakala pada tahun 2002 meningkat kepada 62,209 orang. Angka terkini berdasarkan graf (rujuk lampiran) pada tahun 2011 yang menunjukkan jumlah pelajar telah mencapai 69,462 orang.

Pendidikan PASTI merupakan satu usaha bersepadu dan berterusan ke arah melahirkan generasi tunas Islam yang unggul dari aspek sahsiah, keilmuan dan amalan-amalan yang bertunjangkan Islam, Iman dan Ihsan. Mengambil kira potensi dan bakat yang sedia ada. Pendidikan PASTI berusaha mengembangkan kemahiran kognitif, psikomotor, bahasa, sosioemosi dan sosial selain kepelbagaiannya bakat serta kecerdasan yang sedia terpupuk dalam diri tunas Islam. Usaha-usaha PASTI menerusi pembentukan peribadi unggul ini bertujuan mempersiapkan diri mereka agar menjadi warga yang mengamalkan cara hidup Islam yang direndai oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat.¹⁷

¹⁷ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

Rajah 3.1 Kurikulum Pasti.¹⁸



Sumber: PASTI Pusat

Berdasarkan Model di atas, bulatan besar menunjukkan diri seseorang kanak-kanak yang mempunyai potensi dan bakat serta kecerdasan pelbagai yang sedia terpupuk dalam diri mereka. Kanak-kanak ini mempunyai dunia kehidupannya yang tersendiri yang ditunjukkan dalam bentuk empat segi sama iaitu kehidupan di rumah mahupun di sekolah. Oleh itu, pembentukan kurikulum pendidikan untuk kanak-kanak prasekolah perlu dibangunkan berdasarkan dunia dan persekitaran mereka. Pembentukan pendidikan kanak-kanak dari aspek perkembangan kognitif, psikomotor, bahasa dan komunikasi serta sosioemosi kanak-kanak tersebut. Maka dengan itu aktiviti yang dijalankan hendaklah bersesuaian dengan kehendak perkembangan yang diperlukan dan bersesuaian dengan mereka. Pembentukan perkembangan ini dilaksanakan bertunjangkan tiga aspek utama iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Tunjang keimanan, keislaman dan Ihsan ini ditekankan bagi melahirkan kanak-kanak yang mantap dari

¹⁸ Draf Kurikulum PASTI tahap dua (6 tahun), 2003, 3

aspek sahsiah, ilmuhan dan amalannya serta mampu menjadi warga yang cintakan negara dan mengamalkan cara hidup Islam yang direndai Allah SWT di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kanak-kanak mampu dilahirkan sebagai anak yang soleh lagi pintar.

Sehubungan dengan itu, dapatlah difahami bahawa kurikulum ini akan terlaksana dan berjalan dengan sempurna dengan penggunaan media yang tepat. Justeru, media pendidikan yang diaplikasikan haruslah sesuai dengan tahap perkembangan mereka untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bersetujuan dengan kerangka teori yang telah dibina. Tuntasnya, melalui penggunaan media yang sesuai akan mampu memperkembangkan aspek-aspek yang diinginkan seperti bahasa dan komunikasi, sosioemosi, kognitif, psikomotor dan sebagainya.

3.5 Modul Kurikulum PASTI

PASTI merupakan sebuah prasekolah Islam yang aktif dalam membangunkan kurikulumnya sendiri. Organisasi ini telah berjaya membangunkan tiga modul kurikulum iaitu Kurikulum 4 tahun (K4T), Kurikulum 5 Tahun (K5T) dan Kurikulum 6 Tahun (K6T). Kesemua kurikulum ini dibangunkan berdasarkan Falsafah Pendidikan Prasekolah Negara dan Falsafah Pendidikan PASTI.

Kurikulum PASTI dilaksanakan berdasarkan tahap usia dan perkembangan kanak-kanak yang berbeza iaitu kanak-kanak yang berusia 4 tahun (K4T), 5 tahun (K5T) dan 6 tahun (K6T). Ia dibentuk oleh sekumpulan penyelidik dan pembangun kurikulum di bawah Sektor Akademik, Bahagian Kurikulum PASTI. Mereka yang menganggotai Sektor Akademik, Bahagian Kurikulum PASTI merupakan individu yang pakar dalam

bidang masing-masing dan terlibat secara langsung dalam sistem pendidikan di Malaysia.¹⁹

3.5.1 Kurikulum 4 Tahun (K4T)²⁰

Kurikulum 4 tahun PASTI menekankan pendekatan berfikrah dan bersepadu (PBB) serta menekankan konsep *ta'abbud*, iaitu ketiahan kepada Allah. Sehubungan dengan itu, konsep *ta'abbud* ini telah diterapkan dalam keseluruhan aktiviti yang dijalankan. Di samping itu juga, gaya pembelajaran eksplorasi berpandu dan terbimbing serta konsep belajar sambil bermain telah dibuktikan berupaya menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Cara ini telah berjaya mengoptimumkan penggunaan semua deria murid yang dirangsang menggunakan alat-alat bantu mengajar terpilih. Deria adalah lorong perantara pada otak. Lebih banyak lorong atau perantara, lebih banyak proses pembelajaran berlaku.²¹ Selain daripada itu, rangsangan melalui deria pada peringkat umur kanak-kanak 4 tahun ke bawah, sel-sel otak bercambah dengan cepat. Ini akan melahirkan kanak-kanak yang mudah mengingat dan pintar.

Kelas K4T lebih bersifat sudut secara terbimbing dan terpandu. Kanak-kanak melakukan aktiviti berdasarkan beberapa kumpulan mengikut sudut-sudut yang disediakan seperti sudut matematik, sudut Bahasa Melayu, sudut kognitif dan sebagainya sama ada dilaksanakan secara *solitary* (persendirian dengan bimbingan) mahupun secara kumpulan. Aktiviti luar darjah juga dilaksanakan secara aktif. Kaedah ini akan menggalakkan kanak-kanak meneroka pembelajaran mereka.

¹⁹ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

²⁰Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

²¹ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 59.

Kurikulum 4 tahun juga digubal dengan mengambil kira kepelbagaiannya kecerdasan murid serta kecenderungan mereka. Pelajar digalak untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Aktiviti pengajaran secara kolaboratif dan koorperatif sangat diutamakan menerusi kerja projek dan aktiviti-aktiviti sudut serta luar bilik darjah.²²

Menerusi penerapan nilai-nilai murni dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aspek ketauhidan kepada Allah dalam setiap aktiviti pembelajaran secara langsung mahupun tidak langsung di PASTI, dilihat mampu membentuk insan-insan soleh, berilmu dan berakhhlak mulia yang akan menerajui Malaysia dengan lebih cemerlang dan gemilang pada masa hadapan di bawah redha Allah dunia dan akhirat.

3.5.2 Kurikulum 5 tahun²³

Kurikulum 5 tahun (K5T) dibangunkan berdasarkan kurikulum asas prasekolah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Inggeris, Matematik dan Pendidikan Sains Sosial dan Pembangunan Insan. Tetapi PASTI telah menambah mata pelajaran Jawi, Bahasa Arab, Peribadi Muslim dan Komputer sebagai memenuhi matlamat pendidikan PASTI. Sistem pelaksanaan kurikulum ini lebih bersifat aktiviti dalam kelas dan luar bilik darjah dan tidak dalam bentuk aktiviti sudut bilik darjah sebagaimana K4T.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum K5T ini adalah berdasarkan aktiviti pembelajaran yang lebih menekankan komponen

²² Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

²³ Draf Kurikulum PASTI 5 tahun.

kurikulum yang telah digariskan dan diolah memenuhi konsep pendidikan PASTI itu sendiri secara menyeluruh. Contohnya mata pelajaran Bahasa Melayu, di samping pengajaran mengenal huruf, aktiviti lain dilakukan melibatkan perkembangan kognitif, psikomotor, sosioemosi, rohani dan perkembangan kreativiti kanak-kanak serta dikaitkan dengan konsep *ta'abbud*, dilaksanakan sekaligus.

3.5.3 Kurikulum 6 tahun²⁴

Kurikulum 6 tahun (K6T) mengandungi kurikulum yang sama dengan kurikulum 5 tahun (K5T). Tetapi aras pembelajarannya berbeza kerana ia lebih bersifat kesinambungan proses perkembangan pembelajaran kanak-kanak yang berada di PASTI sejak di usia 5 tahun.

3.6 Pelaksanaan Kurikulum Empat Tahun (K4T) di PASTI²⁵ Ummu Aiman.

Kurikulum K4T PASTI dibangunkan berdasarkan kepada tujuh pendekatan iaitu yang pertama **pendekatan pembelajaran berfikrah dan bersepadu (PBB)** bertemakan empat unsur utama kejadian alam iaitu tanah, air, api dan angin serta perkaitannya dengan kejadian manusia dan kekuasaan Allah. Tema ini diolah dalam aktiviti harian murid ke arah pendidikan kanak-kanak dengan memenuhi ciri-ciri falsafah pendidikan Negara, falsafah pendidikan Islam dan falsafah pendidikan PASTI.²⁶ Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertema adalah salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh guru di prasekolah bagi menyusun pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak dan mengintegrasikan pelbagai bidang perkembangan dan memberi pengalaman

²⁴ Draf Huraian Sukatan Pelajaran PASTI tahap dua (6 tahun), 2003, 2.

²⁵ Ibid, hlm. 6.

²⁶ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

langsung kepada kanak-kanak.²⁷ Pendekatan pembelajaran dan pembelajaran bertema ini dapat membawa faedah kepada guru dan kanak-kanak. Antara faedahnya ialah:²⁸

- i. Kanak-kanak dapat mendalamai topik yang disenaraikan dan kanak-kanak dapat belajar melalui pengalaman yang dilalui.
- ii. Kaedah atau pendekatan ini adalah sangat menarik dan boleh menggunakan pelbagai aktiviti, bahan pengajaran dan program. Pendekatan ini mampu memberi pengetahuan mendalam mengenai subjek ataupun idea utama.
- iii. Pendekatan ini mengalakkan pengembangan ciri kepimpinan, keyakinan diri, sikap saling membantu dan toleransi.
- iv. Guru juga tidak akan kekeringan idea bagi mencari aktiviti yang berkaitan setiap kali merancang jadual aktiviti.

Sebagai contoh, jika pada minggu tersebut adalah bertemakan buah-buahan, maka aktiviti yang diadakan adalah berkisarkan buah-buahan seperti mewarna buah-buahan, mengenal buah-buahan dan merasa buah-buahan.

Seterusnya PASTI juga menanamkan **konsep pembelajaran yang menekankan konsep *ta'abbud* (ketaatan kepada Allah) dalam setiap aktiviti para pelajar.**

“Konsep ta’abbud akan dimasukkan dan diserapkan dalam semua perkembangan iaitu perkembangan bahasa dan komunikasi, perkembangan kognitif , perkembangan fizikal, perkembangan emosi.”²⁹

²⁷ Nor Hashimah binti Hashim & Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah*. (Selangor : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007),111.

²⁸ Rohani Abdullah (et.al), *Panduan Kurikulum Prasekolah*. (Kuala Lumpur: PTS Profesional Pendidikan, 2005), 38

²⁹ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

Sebagai contoh dalam kemahiran mendengar, konsep *ta'abbud* ini diserapkan dan direalisasikan dengan cara memasukkan bunyi alam sekitar seperti bunyi petir, bunyi guruh dan bunyi air terjun. Kanak-kanak akan didedahkan tentang siapa yang mencipta kejadian alam dan menerapkan konsep mesti patuh kepada Allah yang hebat menciptakan. Contoh yang lain pula, ketika lukisan yang berbentuk bintang diwarnakan, para pelajar diterapkan tentang Allah tuhan yang berkuasa mencipta alam yang indah ini dan kita sebagai hamba perlu bersyukur dan melakukan segala suruhan dan larangan Allah.

“Pada peringkat awal kita nak bina K4T ni kita jumpa Dr. Sufian sebagai penasihat kami, maka dia mencadangkan supaya tema-tema yang kita nak bawa ni berunsurkan tema yang bersumberkan kejadian alam. Maknanya hubungan makhluk dengan pencipta dan kita tak boleh lari daripada hubungan itulah.”³⁰

Selanjutnya, **pembelajaran eksplorasi berpandu dan terbimbing** juga ditekankan dan diterapkan kepada para pelajar selain menyediakan pembelajaran yang menggembirakan (belajar sambil bermain). Pihak PASTI telah menyediakan sudut-sudut yang sesuai untuk digunakan oleh para pelajar serta dibimbing oleh para guru seperti sudut bacaan, sudut binaan, sudut matematik, sudut bahasa, sudut melukis, sudut kolaj, sudut mainan pasir dan sudut mainan air. Kesemua sudut ini akan membantu para pelajar dalam perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak dan memberi kegembiraan kepada mereka semasa belajar.

Aktiviti-aktiviti sudut pembelajaran di PASTI Ummu Aiman lebih kepada pendekatan *hands-on*. *Hands-on* ialah belajar melalui pengalaman langsung atau apa yang mereka lakukan sendiri dengan bimbingan guru samada terhasil daripada

³⁰ *Ibid.*,

pengalaman ketika bermain permainan ataupun dengan cara berimajinasi.³¹ Melalui pendekatan *hands-on* kanak-kanak akan membina pengetahuan secara aktif dan berupaya membina kefahaman berdasarkan apa yang dipelajari.³² Sebagai contoh, aktiviti seperti bermain pasir dan bermain air mampu memberi pembelajaran langsung dan mampu memberi pembelajaran yang menggembirakan mereka.

Penekanan kepada pembelajaran yang menggembirakan ataupun bermain sambil belajar dapat membantu membantu kanak-kanak dari beberapa aspek iaitu:³³

- i. Membantu kanak-kanak memahami aktiviti di sekitar mereka. Kanak-kanak belajar melalui penglibatan secara terus dan secara langsung.
- ii. Membantu membentuk personaliti melalui kerjasama, perkongsian, mengikut peraturan, inisiatif dan kesedaran berkaitan kebersihan dan urutan.
- iii. Meningkatkan keyakinan diri
- iv. Meningkatkan kebolehan fizikal daripada aspek motor halus dan kasar.
- v. Memberi peluang mengenal persekitaran fizikal seperti saiz, warna, bentuk, berat dan tekstur.
- vi. Sebagai salah satu cara kanak-kanak meluahkan perasaan gembira, marah dan geram.
- vii. Mengembangkan kebolehan kreatif semasa menyelesaikan masalah semasa bermain.

³¹ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

³² Chai Jia Yun, Kesan Penggunaan Kaedah “Hands-On” Dalam Proses Pembelajaran Sains Tahun 3 (Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.165-179.

³³ Mohd Sharani bin Ahmad, *Psikologi Kanak-Kanak* (Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd., 2006), 171.

Justeru PASTI Ummu Aiman telah menyediakan sudut-sudut pembelajaran yang menarik kepada para pelajar. Sudut-sudut ini telah ditentukan oleh PASTI pusat dan perlu diaplikasikan oleh semua PASTI di Malaysia.

Jadual Bergambar 3.1 Sudut-Sudut Yang Terdapat Di PASTI Ummu Aiman

Gambar	Jenis Sudut
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Air Pelbagai aktiviti boleh dilakukan oleh para pelajar semasa berada di “kawasan” sudut Air. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan ialah untuk mengembangkan psikomotor halus kanak-kanak seperti memasukkan air ke dalam botol menggunakan span serta memupuk sifat kerjasama para pelajar.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Manipulatif Sudut manipulatif sangat penting dalam meningkatkan kemahiran motor halus, meningkatkan ketekunan dan daya tumpuan kanak-kanak dan menggalakkan kanak-kanak bekerja dalam kumpulan.³⁴
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Manipulatif dan Kognitif Sudut manipulatif mampu meningkatkan komunikasi dan kerjasama kanak-kanak dalam pasukan.

³⁴ Rohani Abdullah (et.al), *Panduan Kurikulum Prasekolah*. (Kuala Lumpur: PTS Profesional Pendidikan, 2005), 63.

	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Melukis dan Mewarna Sudut melukis mampu mengasah bakat dan kreativiti kanak-kanak.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Kolaj Sudut Kolaj menggunakan teknik guntingan, tampalan atau cantuman ke atas suatu permukaan dengan menggunakan kertas-kertas, keratan akhbar, gam, gunting dan sebagainya untuk menghasilkan reka bentuk atau corak yang tertentu.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Dapur Sudut dapur memberi peluang kanak-kanak mengembangkan imaginasi mereka.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Dapur Menggunakan bahan persis yang sebenar seperti buah-buahan dan sayur sayuran.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Fizikal Mengembangkan psikomotor kasar dan meningkatkan komunikasi antara kanak-kanak

	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Bahasa Melayu Sudut Bahasa Melayu berfungsi untuk mengembangkan kognitif kanak-kanak. Antara peralatan yang terdapat di sudut ini ialah kad angka, gambar, blok dan kuib.
	<ul style="list-style-type: none"> Rak simpanan bag dan buku Setiap kanak-kanak dikehendaki menyusun bag dan buku mereka di tempat yang disediakan, sekaligus mampu membentuk disiplin dan rasa tanggungjawab kanak-kanak terhadap barang kepunyaan mereka.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Bahasa Inggeris Sudut Bahasa Inggeris berfungsi untuk mengembangkan kognitif kanak-kanak. Antara peralatan yang terdapat di sudut ini ialah kad angka, gambar, paskad, blok dan kuib.
	<ul style="list-style-type: none"> Sudut Matematik Perbagai alat boleh digunakan untuk diletakkan di sudut Matematik seperti kad bernombor, carta dan poster matematik, kiub dan blok, jam dan banyak lagi.

Tambahan lagi, pihak guru juga tidak hanya menyerahkan tugas sepenuhnya kepada pihak pengurusan PASTI untuk penyediaan alat bantu mengajar atau media pendidikan malah guru juga merupakan penyumbang besar dalam menghasilkan dan menggunakan alat rangsangan serta bantuan pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan terhadap

para pelajar. Hal ini membantu dan merealisasikan kehendak PASTI menjadikan penggunaan alat rangsangan dan bantuan alat mengajar sebagai elemen dan pendekatan penting dalam K4T. Antara media dan alat bantu mengajar yang dihasilkan oleh para guru di PASTI boleh dilihat di bawah:

Jadual Bergambar 3.2 Media Yang Direka Cipta Oleh Para Guru PASTI Ummu Aiman





Jadual bergambar 3.2 di atas menunjukkan sebahagian media dan alat bantu mengajar yang dihasilkan sendiri oleh para guru di PASTI Ummu Aiman. Antaranya ialah, kad imbas huruf dan gambar, kad nama dan permainan daripada bijirin. Kesemua ini adalah hasil dari daya kreativiti guru yang mempelbagaikan media pendidikan sekaligus dapat membantu menambahkan minat dan kefahaman para pelajar. Hal ini adalah bertepatan dengan kerangka teori yang telah dibina iaitu media adalah perantara antara guru dan murid yang bukan sahaja memberi pendidikan malah memberi pengalaman berguna kepada mereka.

Selanjutnya PASTI juga **menekankan penilaian terhadap perkembangan tingkah laku dan pembelajaran secara individu**. Setiap pelajar akan dikenal pasti tahap perkembangan masing-masing dan akan dilengkapkan di dalam borang yang disediakan. Antara tahap perkembangan yang dinilai ialah fizikal, perkembangan penulisan, perkembangan sosial, perkembangan kognitif, perkembangan bahasa, perkembangan emosi, perkembangan bacaan dan hafazan. (Lihat borang perkembangan di lampiran).

Selanjutnya, asas atau pendekatan terakhir dalam K4T ialah **pendidikan sepanjang hayat**.³⁵ Konsep pembelajaran sepanjang hayat ialah mengalakkan perkembangan ilmu pengetahuan dan juga boleh didefinisikan sebagai memperoleh dan mengemaskini pengetahuan pada usia prasekolah hingga ke akhir kehidupan.³⁶

PASTI telah menggariskan beberapa objektif dalam kurikulum khususnya K4T untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Antara Objektif Kurikulum PASTI³⁷ ialah; Membolehkan murid-murid mengEsakan dan mengagungkan Allah SWT melalui kesemua aktiviti pembelajaran yang dilakukan. Guru-guru berperanan besar dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa tidak terpisah dengan mendekatkan diri kanak-kanak mengingati dan mengEsakan Allah.

Seterusnya ialah mengaitkan seluruh aspek kehidupan dengan Pencipta. Lantaran itu kurikulum K4T menerapkan empat tema ataupun unsur utama iaitu tanah, air, api dan angin serta perkaitannya dengan kejadian manusia dan kekuasaan Allah. Objektif selanjutnya ialah menggalakkan para pelajar mengamalkan nilai-nilai Islam dalam

³⁵ Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

³⁶ Irma Indayu Omar, Yushiana Mansor . *Panduan Mencari Maklumat* (Selangor: PTS Profesional, 2005), 17.

³⁷ Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

kehidupan, menyedari keindahan Islam dalam mewarnai kehidupan sehari-hari dengan ajaran Islam yang sebenar. Sebagai contoh menerapkan sifat sabar dan tolak ansur dalam setiap aktiviti mereka dan guru-guru sentiasa berperanan menyampaikan pesan-pesan yang bermanfaat untuk para pelajar.

Objektif K4T seterusnya ialah untuk memupuk sifat menghargai, mencintai dan mengamalkan ilmu yang dipelajari di kalangan para pelajar. Seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ditambah lagi dengan objektif seterusnya, iaitu memperkenalkan asas bacaan al-Quran kepada para pelajar. Sebelum memulakan pembelajaran pada waktu pagi, para pelajar akan membaca surah-surah pendek secara beramai-ramai dan dipandu oleh guru masing-masing. Antara bacaan awal yang ditekankan oleh PASTI ialah surah-surah pendek seperti surah *al-Fatihah*, surah *al-Nas* dan surah *Al-falaq*.³⁸

Manakala objektif dari segi sosial pula ialah menganjurkan dan menerapkan cara bergaul dan berinteraksi dalam kerangka yang dianjurkan dalam Islam, mencintai diri, keluarga, masyarakat, agama dan tanah air, menghargai jasa serta pengorbanan ibu bapa, guru dan pemimpin negara, menggalakkan sikap kerjasama dan berjemaah dalam kehidupan sehari-hari serta mananamkan semangat gotong-royong dan sukarela.³⁹

Selain itu, PASTI juga tidak ketinggalan menggariskan objektif yang berkaitan dengan perkembangan dari segi emosi, iaitu untuk meningkatkan keyakinan dan

³⁸ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

³⁹ *Ibid.*

kebolehan diri kanak-kanak dan mengoptimumkan kecekapan pelbagai deria dalam menyelesaikan masalah dan mencetuskan idea-idea baru.⁴⁰

Manakala objektif yang berkaitan dengan kognitif pula ialah untuk mengasah bakat, minat dan kecenderungan murid, mencabar daya kreativiti pelajar dan berupaya menggunakan bahasa yang baik untuk menyatakan idea dan keinginan seterusnya mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan memperkembangkan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi.⁴¹

3.7 Komponen Kurikulum K4T PASTI⁴²


PASTI telah mengariskan komponen-komponen kurikulum pembelajaran yang khusus kepada kanak-kanak yang berusia empat tahun seperti yang telah digariskan dalam visi K4T iaitu untuk melahirkan insan soleh yang bertaqwah, kreatif, inovatif dan berketerampilan tinggi menyelesaikan agenda kehidupan harian secara berfikrah dan matang. Manakala misinya pula ialah menjadikan K4T sebagai kurikulum yang *viable* (dapat terus digunakan), realistik dan praktis untuk mengembangkan potensi dan bakat serta sahsiah murid-murid yang mendapat pendidikan di PASTI. Di bawah menunjukkan ringkasan kurikulum PASTI.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

⁴²Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

Rajah 3.2 Model Kurikulum Empat Tahun



Rajah 3.2 di atas menunjukkan model kurikulum K4T secara keseluruhan yang dimulai oleh asas utama iaitu falsafah PASTI sendiri iaitu, merupakan satu usaha bersepadau dan berterusan ke arah melahirkan generasi tunas Islam yang unggul dari aspek sahsiah, keilmuan dan amalan-amalan yang bertunjangkan kepada Islam, Iman dan Ihsan. Mengambil kira potensi dan bakat yang sedia ada, pendidikan PASTI berusaha mengembangkan kemahiran kognitif, psikomotor, bahasa sosio-emosi dan sosial selain kepelbagaiian bakat serta kecerdasan yang sedia terpupuk di dalam diri tunas Islam.⁴³

Selepas pembentukan falsafah yang sempurna, kurikulum merupakan aspek yang sangat penting dalam pelaksanaan pendidikan kepada kanak-kanak. Pelbagai kemahiran dikembangkan untuk melahirkan generasi *ta'abbud* yang diinginkan berdasarkan falsafah PASTI. Kurikulum direncanakan berdasarkan objektif-objektif yang jelas

⁴³ Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

seperti yang telah diterangkan panjang lebar di atas. Seterusnya pula ialah, “bahan” iaitu yang telah terhasil dari kurikulum. Bahan-bahan ini mengandungi isi kandungan untuk disampaikan kepada para pelajar dan mengandungi komponen-komponen yang jelas dan akan dibicarakan di bawah nanti.

Selanjutnya, ialah “mengajar” yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Di sini, guru merupakan watak utama dalam menjayakan bahagian ini dan akan menggunakan media pendidikan yang sesuai. Manakala langkah seterusnya ialah “menguji” iaitu menguji pencapaian kanak-kanak sama ada ada dari segi perkembangan kognitif, perkembangan fizikal mahupun hafazan doa-doa dan surah-surah. Keseluruhannya, Islam dijadikan sebagai asas utama dalam setiap aktiviti yang dijalankan untuk melahirkan generasi yang berpegang kepada akidah yang benar dan generasi *ta’abbud* yang berkualiti.

Sesungguhnya komponen kurikulum PASTI sebenarnya tidak jauh berbeza dengan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Kebangsaan malah tidak pernah bertentangan ataupun bercanggah.⁴⁴ Tetapi Kurikulum PASTI menjadi pelengkap kepada kurikulum yang terdapat dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Walau bagaimanapun, perbezaannya adalah dari sudut bagaimana pelaksanaan ataupun perkara yang perlu diisi untuk merealisasikan objektif mahupun falsafah sesebuah prasekolah.

Manakala kurikulum PASTI pula secara asasnya, mempunyai enam aspek utama iaitu komponen perkembangan bahasa dan komunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang menekankan aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penulisan dan pengenalan huruf-huruf jawi dan bahasa Arab juga tidak

⁴⁴ *Ibid.*

ketinggalan ditekankan dalam kurikulum ini. Perkembangan bahasa dan komunikasi bukan sahaja berlangsung di dalam kelas yang dibimbing oleh guru sahaja, malah turut berlangsung semasa para pelajar berkomunikasi sesama mereka ketika bermain di sudut-sudut yang disediakan.⁴⁵ Seperti dalam gambar di bawah;

Jadual Bergambar 3.3 Aktiviti Bermain Di PASTI Ummu Aiman

	
<p>Kanak-kanak saling berkomunikasi dan bekerjasama dalam membina blok-blok kayu.</p>	<p>Main peranan membantu mereka membina imaginasi dan memperkembangkan bahasa masing-masing</p>

Komponen perkembangan kognitif pula menekankan aspek perkembangan pemikiran supaya para pelajar berupaya berfikir secara kreatif dan kritis. Kemahiran kognitif merupakan kebolehan individu untuk berfikir, memberi pendapat, memahami, mengingati perkara-perkara yang berlaku di persekitaran mereka yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti ingatan, mengkategorisasi, merancang dan menaakul, menyelesaikan masalah, mencipta dan berimajinasi.⁴⁶

⁴⁵ Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

⁴⁶ Rohani Bt Abdullah & Nani Menon, *Panduan Kognitif Kanak-Kanak Prasekolah* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Pendidikan, 2003), 20-26.

Jadual Bergambar 3.4 Aktiviti Perkembangan Kognitif di PASTI Ummu Aiman.

	
Aktiviti latihan dalam kumpulan membantu mereka mengembangkan kognitif dan menyelesai masalah	Berimajinasi juga mampu mengembangkan kreativiti dan kognitif.

Seterusnya komponen perkembangan sosial pula berkait dengan hubungan sosial kanak-kanak dengan individu-individu di sekitar mereka. Kanak-kanak perlu diberi peluang dan sokongan untuk mencuba pengalaman-pengalaman baru. Kanak-kanak yang diberi pujian dan galakan akan menjadikan mereka lebih bersemangat untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti kerana mereka merasakan diri lebih dihargai.⁴⁷ Manakala emosi pula merupakan perasaan efektif yang dialami oleh setiap individu dalam sesuatu keadaan yang memberi makna kepada dirinya. Ibu bapa dan guru berperanan dalam memahami dan mengawal emosi kanak-kanak. Antara peranan yang harus dimainkan ialah seperti bercakap dan berkomunikasi dengan mereka kerana aktiviti ini boleh menangani perasaan malu, sedih dan marah yang dialami oleh kanak-kanak.⁴⁸

Komponen perkembangan rohani menekankan aspek akidah, akhlak, al-Quran, sirah dan ibadah. Kanak-kanak perlu diasuh dan dibimbing untuk memperaktikkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka dengan mengambil kira asas-asas awal


⁴⁷ Shahabuddin Hashim & Noor Miza Abdul Rahman, *Pendidikan Sosioemosi Kanak-Kanak* (Selangor: PTS Akademia, 2014), 2.

⁴⁸ *Ibid.*, 39.

perkembangan kanak-kanak bagi melahirkan generasi soleh pintar. Menerusi penerapan nilai-nilai murni yang ditanamkan oleh guru-guru PASTI diharap akan terbentuk insan-insan soleh, berilmu dan berakh�ak mulia yang akan menerajui Malaysia suatu hari nanti.

Seterusnya ialah komponen perkembangan kreativiti dan estetika. Unsur-unsur kreativiti dan estetika adalah terdiri daripada elemen asas yang penting dalam menghasilkan sesuatu yang mempunyai unsur kreatif. Dengan alasan itulah, kanak-kanak dibiarkan memilih sudut-sudut yang digemari dan membiarkan mereka membina kreativiti dan imghanasi sendiri. Berdasarkan penjelasan panjang lebar di atas, maka dapat diringkaskan komponen K4T seperti di dalam rajah berikut;⁴⁹

Rajah 3.3 Komponen Pembelajaran K4T



Sumber: PASTI Pusat

⁴⁹ Draf Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia 2006.

Rajah 3.3 di sebelah menerangkan secara ringkas berkenaan dengan komponen pembelajaran K4T yang bertunjangkan kepada pendidikan wahyu yang diaplikasikan ke dalam komponen-komponen lain secara tidak langsung. Kesimpulannya, PASTI telah mempunyai satu kurikulum yang sempurna dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak khususnya untuk kanak-kanak empat tahun. Keseluruhan kandungan K4T tidak bercanggah dengan kehendak kerajaan khususnya dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

3.8 Strategi Pengajaran K4T

PASTI telah merangka pelbagai strategi bagi melahirkan para pelajar yang berkualiti berdaya saing dan seimbang supaya melahirkan “produk” yang cemerlang di dunia dan akhirat. Aktiviti persekolahan biasa pelajar empat tahun di PASTI bermula seawal pukul 8.00 pagi sehingga 11.30 pagi sahaja, manakala terdapat juga segelintir para pelajar yang terus tinggal di PASTI sehingga waktu petang.⁵⁰

Pelbagai aktiviti dijalankan berdasarkan kurikulum yang telah dirangka oleh pihak PASTI bermula hari Isnin hingga hari Jumaat. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah berbeza setiap hari kecuali aktiviti tetap seperti perhimpunan pagi yang bermula pada jam 8.20 pagi selama 20 minit. Perhimpunan pagi akan diisi dengan aktiviti-aktiviti seperti bacaan syahadah, nama nabi, nama Allah, sifat wajib bagi Allah, ikrar, lagu kanak-kanak pasti cemerlang, senaman, hafazan dan doa. Begitu juga dengan perhimpunan sebelum pulang pengisian seperti perhimpunan pada waktu pagi dan kadang-kadang terpaksa diringkaskan.⁵¹

⁵⁰ Norfarahwahyida bt Dzozali, (Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aiman), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mei 2011.

⁵¹ *Ibid.*

Jadual pada hari Isnin bermula dengan perhimpunan pagi diikuti oleh perbualan awal berkenaan dengan tema yang ditetapkan, isu semasa, hari, bulan mahupun cuaca. Sebagai contohnya, jika bulan tersebut merupakan bulan Ramadhan maka guru akan bercerita dengan para pelajar berkenaan isu puasa, solat terawih dan sebagainya. Komunikasi dua hala ini akan berlangsung dalam bahasa Melayu dan dibantu oleh kad imbas yang disediakan oleh guru. Tema-tema untuk K4T telah dirangka dan diatur berdasarkan bulan. Senarai tema adalah seperti dalam rajah di bawah:

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan jadual tema setiap bulan yang telah ditentukan oleh PASTI.⁵²

BULAN DAN TEMA	SKOP
JANUARI DAN FEBRUARI Orientasi prasekolah	Peraturan dan suai kenal <ul style="list-style-type: none"> • PASTI saya • Taaruf • Penjagaan kesihatan dan kebersihan • Hari jadi
MAC Kejadian manusia dan makhluk lain dan kaitannya dengan pencipta.	Allah Maha Pencipta <ul style="list-style-type: none"> • Bumi ciptaan Allah • Bentuk (bumi, bulan, matahari, bintang) • Makhluk yang ada di atas muka bumi (indahnya ciptaan Allah) • Manusia sebagai khalifah • Hari jadi
APRIL Kejadian manusia dan makhluk lain dan kaitannya dengan pencipta.	Alam Semesta Dan Cakerawala <ul style="list-style-type: none"> • Bulan, matahari, bintang, cakerawala • Malam dan siang • Musim • Maulud nabi-Kisah Tahun Gajah & Isra' Mi'raj • Kewajipan solat lima waktu • Haiwan jinak dan haiwan liar • Hari jadi
MEI Tanah	Kejadian Manusia (Asal kejadian manusia) <ul style="list-style-type: none"> • Kisah nabi Adam

⁵² Kurikulum empat tahun PASTI Malaysia 2006.

	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota badan • Keluarga • Kesihatan fizikal dan mental • Hari jadi, hari ibu dan hari guru
JUN Tanah	<p>Alam Tumbuh-Tumbuhan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Buah-buahan • Sayur-sayuran dan bijirin • Bunga • Proses pertumbuhan • Kisah dalam Al-Quran (pokok bergerak) • Hari jadi
JULAI Tanah	<p>Jenis Galian dan Kegunaannya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis-jenis gajian • Pekerjaan manusia menghasilkan galian • Logam (kenderaan dari logam) • Kegunaan tanah (pasir untuk membuat rumah, tanah liat untuk menghasilkan tembikar dan untuk membersihkan najis berat. <p>Bahaya Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanah runtuh dan pasir jerlus • Kisah dalam al-Quran • Hari jadi
OGOS Air	<p>Jenis Air</p> <ul style="list-style-type: none"> • Air mutlak (air perigi, air hujan, air laut, air embun, air salji, air sungai dan air mata air) • Bentuk air (tasik, laut, sungai) • Kitaran air (Kejadian hujan) • Fasa Air (pepejal-cecair –wap) • Kegunaan air (bersuci, minum, memasak, pengangkutan) • Bahaya air (banjir, hakisan, lemas, tempat pembiakan nyamuk) <p>Binatang dalam air</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan binatang dalam air dan di darat • Pengangkutan air (bot, kapal, rakit, perahu, kapal selam) • Kisah dalam al-Quran (kisah Nabi Nuh Dan Nabi Musa) • Hari jadi
SEPTEMBER	Kegunaan api

Api/cahaya OKTOBER Angin	<ul style="list-style-type: none"> • Memasak, sumber cahaya, haba, Pertukangan (kaca dan tembikar) • Peralatan elektrik <p>Bahaya api</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebakaran (punca kebakaran) • Cara memadam kebakaran-bomba • Kisah dalam al-Quran • Hari jadi <p>Kegunaan angin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahaya angin • Binatang boleh terbang (burung dan serangga) • Kisah dalam al-Quran • Hari jadi
---	--

Sumber: PASTI Pusat

Jadual 3.1 menunjukkan tema bulanan di PASTI Ummu Aiman dan skop pengajaran guru. Terdapat empat tema utama iaitu tanah, api, air dan angin. Keempat-empat tema ini telah dipecahkan kepada aktiviti yang sesuai berdasarkan tahap para pelajar. Berdasarkan tema yang telah disediakan, guru-guru akan menyediakan media pendidikan yang sesuai dan menarik untuk membantu meningkatkan kefahaman para pelajar.

Aktiviti seterusnya pula ialah dalam bentuk kumpulan besar. Kanak-kanak akan melakukan aktiviti dalam kumpulan yang besar dan biasanya dibentuk dalam bulatan. Dalam aktiviti ini guru akan menerangkan berkenaan amalan-amalan yang baik dan cuba meningkatkan ingatan pelajar-pelajar terhadap doa yang dipelajari. Selain itu, mereka juga melakukan aktiviti mengenal huruf pada nama yang digantung di dinding bilik darjah dan para pelajar dikehendaki mengambil dan mengenal nama masing-masing dan seterusnya mengeja nama mereka di bawah bimbingan guru. Aktiviti latih tubi ini akan

berlangsung setiap hari selama 10 minit.⁵³ Pengkaji mendapati nama para pelajar digantung di dinding dan guru akan meminta para pelajar sendiri mengambil nama masing-masing untuk dieja.

Jadual Bergambar 3.5 di bawah menunjukkan aktiviti latih tubi untuk mengenal huruf pada nama.



Aktiviti K4T seterusnya ialah membahagikan kanak-kanak kepada dua kumpulan kecil dan setiap kumpulan diselia oleh seorang guru. Kumpulan A akan bermain secara assosiatif iaitu Seorang kanak-kanak bersama kanak-kanak lain terlibat dalam aktiviti

⁵³ Norfarahwahyida bt Dzozali, (Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aiman), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mei 2011.

yang sama tetapi tidak ada kerjasama ataupun menjadikan minat sendiri kepada minat kumpulan. Misalnya, beberapa orang kanak-kanak mahu menjadi emak dan ayah dalam kumpulan tersebut. Justeru, guru perlu campur tangan dan memberi cadangan kepada mereka.⁵⁴ Manakala aktiviti kumpulan B pula ialah permainan sudut bebas iaitu *solitary parallel* dan *cooperative*. *Solitary* ialah permainan yang berlaku secara bersendirian tanpa peserta lain manakala *parallel* pula ialah dua atau lebih kanak-kanak bermain secara berasingan dalam aktiviti main, tempat dan masa yang sama.⁵⁵ Dan yang terakhir sekali ialah *cooperative* ialah seorang kanak-kanak bermain bersama kanak-kanak lain. Mereka saling lengkap melengkapi. Ada kerjasama dan tolak ansur. Minat sendiri dapat dijadikan minat kumpulan. Kurang campur tangan guru.⁵⁶ Aktiviti ini dilihat sangat membantu dalam perkembangan kanak-kanak khususnya dari segi perkembangan sosioemosi, bahasa dan kognitif.

Selepas aktiviti-aktiviti pembelajaran yang padat dilalui oleh para pelajar, mereka diberikan rehat selama 20 minit untuk melakukan aktiviti seperti makan, minum mahupun ke tandas. Gambar di bawah menunjukkan aktiviti yang dilakukan semasa waktu rehat oleh kanak-kanak di PASTI Ummu Aimani.⁵⁷

⁵⁴ Nor Hashimah binti Hashim & Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah*, 109.

⁵⁵ Norfarahwahyida bt Dzozali, (Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aimani), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mei 2011.

⁵⁶ Nor Hashimah binti Hashim & Yahya Che Lah, *Panduan Pendidikan Prasekolah*, 109.

⁵⁷ Norfarahwahyida bt Dzozali, (Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aimani), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mei 2011.

Jadual Bergambar 3.6 di bawah menunjukkan aktiviti waktu rehat kanak-kanak di PASTI Ummu Aiman

	<p>Terdapat kanak-kanak yang membawa makanan sendiri dari rumah dan terdapat juga yang makan makanan yang disediakan oleh PASTI seperti roti dan biskut. Mereka juga telah diajar supaya makan secara beramai-ramai dan tidak kedekut untuk berkongsi makanan dengan rakan-rakan yang tidak membawa makanan. Kanak-kanak yang tidak membawa makana pula tidak akan meminta-minta tetapi hanya akan makan jika dipelawa oleh rakan mereka.</p>
	<p>Kanak-kanak di PASTI telah dilatih supaya menjaga kebersihan. Selepas makan, mereka akan bergotong royong dan bekerjasama untuk membersihkan tempat makan yang juga merupakan bilik darjah dan bilik aktiviti mereka.</p>

Aktiviti seterusnya pula ialah latih tubi mengenal huruf dan abjad yang menggunakan media kad imbas, poster, papan putih dan pen. Kanak-kanak diajar dalam kumpulan besar bermula dari huruf A hingga Z. Guru-guru mencatat perkembangan kognitif murid-murid dan mengenal pasti tahap mereka agar kanak-kanak yang lemah boleh dibantu dan tidak ada yang tercicir. Seterusnya, aktiviti bersambung dengan aktiviti kreativiti iaitu tema bimbingan seperti menghasilkan kad ucapan dan penanda

buku. Manakala sebelum perhimpunan pulang kanak-kanak akan mendengar cerita tauladan dan sirah nabi yang akan diceritakan oleh guru dan diselitkan dengan nasihat dan pengajaran melalui penceriaan tersebut. Jadual waktu pada hari Isnin adalah seperti di bawah:⁵⁸

Jadual 3.2 menunjukkan jadual waktu pada hari Isnin K4T

Iasn/Masa	Aktiviti
8.00- 8.20 pagi (20 minit) 1	<ul style="list-style-type: none"> • Ketibaan • Bacaan al-Quran Iqra' dan Hafazan
8.20-8.40 pagi (20 minit) 2	<p><u>Perhimpunan pagi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Syahadah • Ikrar • Lagu PASTI Cemerlang • Senaman • Hafazan dan Doa
8.40-9.00 pagi (20 minit) 3	<p><u>Perbualan Awal</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tema, Isu semasa, hari, bulan, cuaca • Komunikasi Bahasa Melayu • Kad imbas (Anak Soleh Pintar)
9.00-9.20 pagi (20 minit) 4	<p><u>Aktiviti Kumpulan besar (movement game)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti kumpulan amalan dan doa • Aktiviti Anak Soleh Pintar
9.20- 9.30 pagi (10 minit) 5	<p><u>Latih tubi</u> Mengenal huruf pada nama</p>
9.30-10.00 pagi (30 minit) 6	<p><u>Aktiviti Kumpulan kecil</u></p> <p>A- Aktiviti kumpulan kecil (Assosiative) B- Aktiviti sudut bebas 1 (<i>Solitary @ parallel</i>)</p>
10.00-10.20 pagi (20 minit) 7	<ul style="list-style-type: none"> • Rehat • Hadis • Doa
10.20-10.30 pagi (10 minit) 8	<p><u>Latih tubi</u> Huruf dan abjad</p>
10.30-11.00 pagi (30 minit) 9	<p><u>Aktiviti kreativiti</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kreativiti (Tema) bimbingan (Assosiative)
11.00-11.20 pagi (20 minit)	<ul style="list-style-type: none"> • Bercerita (Read Aloud) • B.Sirah (Tema)

⁵⁸ Jadual Pembelajaran PASTI Ummu Aiman.

10	
11.20-11.30 pagi (10 minit) 11	Perhimpunan balik

Jadual pada hari Selasa tidak jauh bezanya dengan hari-hari yang lain. Antara perbezaannya seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.3 Jadual Waktu Pada Hari Selasa K4T

Selasa/Masa	Aktiviti
8.40-9.00 pagi (20 minit) 3	<u>Perbualan Awal</u> <ul style="list-style-type: none"> • Tema, Isu semasa, hari, bulan, cuaca • Komunikasi Bahasa Inggeris • Kad imbas (kemahiran mendengar)
9.00-9.20 pagi (20 minit) 4	<u>Aktiviti Kumpulan besar (movement game)</u> <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran mendengar
9.30-10.00 pagi (30 minit) 6	<u>Aktiviti Kumpulan kecil</u> Allah maha Pencipta (Matematik)
10.30-11.00 pagi (30 minit) 9	<u>Aktiviti luar kelas</u> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti moto kasar • Penerokaan sains
11.00-11.20 pagi (20 minit) 10	<ul style="list-style-type: none"> • Bercerita (Read Aloud dalam bahasa Inggeris) • B.Sirah (Tema)

Jadual 3.3 di atas menunjukkan dengan jelas perbezaan yang wujud dalam aktiviti K4T PASTI Ummu Aiman pada hari Selasa. Antara perbezaan yang wujud ialah perbualan harian yang menggunakan bahasa Inggeris dan mengembangkan kemahiran mendengar dalam aktiviti kumpulan besar. Pada pukul 9.30 pagi pula telah diganti dengan akitiviti pratulisan dalam buku “Allah Maha Pencipta” di samping melakukan aktiviti matematik.

Jadual Bergambar 3.7 berkaitan kandungan Buku Allah Maha Pencipta



Jadual bergambar 3.7 menunjukkan buku Allah Maha Pencipta yang digunakan di PASTI Ummu Aiman untuk mengembangkan kerohanian, bahasa dan kognitif pelajar. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kanak-kanak kelihatan seronok kerana mereka bukan sahaja belajar tentang keindahan alam yang diciptakan oleh Allah malah mereka juga dapat mengembangkan kognitif mereka dengan menulis dan mengenal huruf. Malah terdapat juga para pelajar yang mewarna gambar yang terdapat di dalam buku tersebut.

Di samping itu juga, pada jam 10.30 pagi pula kanak-kanak melakukan aktiviti luar kelas untuk membantu perkembangan motor kasar kanak-kanak. Antara aktiviti yang dilakukan ialah aktiviti berjalan di atas titi secara bergilir dan bergayut untuk membina kekuatan lengan dan otot di samping memupuk sifat sabar dan berdisiplin di kalangan para pelajar. Justeru, guru sentiasa memberikan kata-kata nasihat agar kanak-kanak ini sentiasa mendengar perkara yang baik. Sebelum perhimpunan pulang kanak-kanak akan dihiburkan dengan cerita tauladan dan sirah nabi dalam bahasa Inggeris.⁵⁹

⁵⁹ Norfarahwahyida bt Dzozali, (Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aiman), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mei 2011.

Jadual Bergambar 3.8 menunjukkan Aktiviti Perkembangan Psikomotor Kanak-Kanak



Berdasarkan jadual bergambar 3.8 menunjukkan aktiviti perkembangan psikomotor yang dilakukan oleh kanak-kanak di PASTI Ummu Aiman. Mereka kelihatan gembira dan mengulang aktiviti tersebut tanpa disuruh. Selanjutnya pula ialah aktiviti pada hari Rabu yang lebih mirip dengan aktiviti pada hari Isnin tetapi wujud sedikit perbezaan pada aktiviti kumpulan besar iaitu permainan bahasa “Pasti Adikku Pandai Membaca” dan dibimbing oleh guru. Seterusnya ialah aktiviti sudut terbimbing seperti juga pada hari Isnin tetapi pada hari Rabu mempunyai dua slot iaitu pada jam 10.30 pagi selama 30 minit. Aktiviti anak soleh pintar jawi menyusul sebelum perhimpunan pulang kanak-kanak ke rumah masing-masing.

Jadual 3.4 Jadual Waktu Pada Hari Rabu K4T

Rabu/Masa	Aktiviti
8.40-9.00 pagi (20 minit) 3	<p>Perbualan Awal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tema, Isu semasa, hari, bulan, cuaca • Komunikasi Bahasa Melayu • Kad imbas (Bahasa Melayu)
9.00-9.20 pagi (20 minit)	<p>Aktiviti Kumpulan besar (movement game)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permainan Bahasa PASTI Adikku Pandai

4	Membaca
9.30-10.00 pagi (30 minit) 6	Aktiviti Kumpulan kecil A- Aktiviti kumpulan kecil 1 (Associative) B- Aktiviti sudut bebas 1 (<i>Solitary @ parallel</i>)
10.30-11.00 pagi (30 minit) 9	Aktiviti kreativiti A- Aktiviti kumpulan kecil 2 (Associative) B- Aktiviti sudut be/bas 2 (<i>Solitary @ parallel</i>)
11.00-11.20 pagi (20 minit) 10	<ul style="list-style-type: none"> • Anak Soleh Pintar (jawi)

Jadual Bergambar 3.9 menunjukkan para pelajar sedang melalui Pra-Penulisan Jawi



Jadual bergambar 3.9 menunjukkan para pelajar sedang melakukan aktiviti mengenal huruf jawi. Sepanjang pemerhatian pengkaji, kanak-kanak kelihatan kusyuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.

Selanjutnya ialah hari Khamis. Pada hari ini pelajar-pelajar akan kembali menggunakan bahasa Inggeris dalam pembelajaran mereka. Bermula dengan perbualan awal, aktiviti kumpulan besar hinggalah kepada bercerita guru akan menggunakan dan menyelitkan bahasa Inggeris yang mudah dan ringkas kepada para pelajar. Jadual di

bawah menunjukkan aktiviti berbeza yang dilakukan oleh kanak-kanak pada hari-hari lain.

Jadual 3.5 Jadual Waktu Pada Hari Khamis

Khamis/Masa	Aktiviti
8.40-9.00 pagi (20 minit) 3	<u>Perbualan Awal</u> <ul style="list-style-type: none"> • Tema, Isu semasa, hari, bulan, cuaca • Komunikasi bahasa Inggeris • Kad imbas (BI) dan Matematik
9.00-9.20 pagi (20 minit) 4	<u>Aktiviti Kumpulan besar (movement game)</u> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti kumpulan Inggeris dan Matematik
9.30-10.00 pagi (30 minit) 6	<u>Pra-tulisan</u> Penulisan (Adikku Pandai Menulis)
10.30-11.00 pagi (30 minit) 9	<u>Aktiviti kreativiti</u> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti main air • Aktiviti main pasir
11.00-11.20 pagi (20 minit) 10	<ul style="list-style-type: none"> • Bercerita (Read Aloud dalam bahasa Inggeris) • Bercerita Sirah (Tema)

Manakala pada hari Jumaat pula bermula dengan perhimpunan pagi diteruskan dengan perbualan mengenai diri dan keluarga kanak-kanak bertujuan untuk membentuk perkembangan komunikasi dan bahasa mereka. Diteruskan lagi dengan aktiviti membaca dan menyusun ceraian huruf pada nama, menekap nama dan menulis nama. Selepas rehat pula kanak-kanak diberi kebebasan untuk bermain dan akan dihidangkan dengan cerita dan tayangan yang menarik sebelum pulang. Jadual di bawah menunjukkan aktiviti yang berbeza berbanding hari-hari yang lain.

Jadual 3.6 Jadual Waktu Pada Hari Jumaat Di K4T

Jumaat/Masa	Aktiviti
8.40-9.00 pagi (20 minit) 3	<u>Perbualan Awal</u> <ul style="list-style-type: none"> • Perbualan mengenai diri dan keluarga
9.00-9.30 pagi	<u>Aktiviti Kumpulan besar (movement game)</u>

(30 minit) 4	<ul style="list-style-type: none"> • Membaca
9.30-10.00 pagi (30 minit) 6	<ul style="list-style-type: none"> • Menyusun ceraian huruf pada nama • Menekap nama • Menulis nama
10.30-11.00 pagi (30 minit) 9	<p><u>Aktiviti kreativiti</u></p> <p>M1- Perayaan/ Roleplay M2- Dapur M3- Walk / Playground/ Garden M4- Junk Modelling/ Vary painting</p>
11.00-11.20 pagi (20 minit) 10	<ul style="list-style-type: none"> • Cerita anak soleh pintar • Tayangan VCD

3.9 Jenis-jenis Media pendidikan di PASTI Ummu Aiman

PASTI Ummu Aiman telah menyediakan media pendidikan yang sesuai kepada perkembangan kanak-kanak dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang sebenar kepada mereka. Media-media ataupun alat-alat pendidikan dipilih berdasarkan tema yang telah ditetapkan berdasarkan buku panduan aktiviti Kurikulum Empat Tahun dan juga hasil dari daya kreativiti guru. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan pengkaji, didapati bahawa PASTI Ummu Aiman khususnya dalam mengaplikasikan K4T telah menggunakan pelbagai jenis media seperti media yang menggunakan sumber asas, media elektronik, media bukan elektronik dan pengalaman sebenar.

Jadual bergambar 3.10 Media-Media Yang Digunakan Di PASTI Ummu Aiman

Jenis Media Pendidikan	Gambar
1. Sumber asas	<p>a) Buku</p> <p>b) Kad imbas</p>

c) Poster



d) Papan putih



e) Media maujud/ realia



2. Media elektronik	<p>a) Radio</p> <p>b) Televisyen</p> <p>c) Komputer riba</p>

	
3. Media bukan elektronik	<p>a) Boneka</p>  <p>b) Replika dapur dan peralatan dapur</p> 
4. Media bersumber kan	<p>a) Alam</p>

pengalam
an



b) Permainan



c) Kreativiti



Berdasarkan Jadual bergambar 3.10 di atas dapatlah diketahui bahawa PASTI Ummu Aiman telah mempunyai media pendidikan yang hampir lengkap. Keempat-empat media yang telah dikelaskan oleh Ab. Ghafar dalam bukunya “Prinsip dan Amalan Pengajaran” terdapat di PASTI Ummu Aiman iaitu media pendidikan yang terdiri dari sumber asas seperti papan putih, buku, guru, kad imbas poster dan bahan maujud ataupun realia.⁶⁰

Manakala media pendidikan yang kedua pula ialah media elektronik iaitu televisyen, radio dan komputer riba. Media elektronik ini, biasanya sangat mudah menarik minat kanak-kanak kerana kelebihannya dari aspek audio dan visual seperti televisyen. Media pendidikan bukan elektronik pula yang terdapat di PASTI ialah seperti boneka haiwan dan replika dapur dan peralatannya. Selanjutnya pula ialah media pendidikan yang bercorak pengalaman yang boleh didapati daripada alam, permainan dan semasa berkreativiti. Hal ini bersesuaian dengan saranan Edger Dale yang menghasilkan klasifikasi pengalaman menurut tingkat dari yang paling konkret ke yang

⁶⁰ Abd. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2003), 65

paling abstrak iaitu dalam usaha memanfaatkan media sebagai alat bantu mengajar. Beliau telah menghasilkan klasifikasi dan kemudiannya dikenali sebagai “Kon Pengalaman” (*Con Of Experience*) dalam menentukan media apakah yang paling sesuai untuk pengalaman belajar kanak-kanak.⁶¹

Antara kepentingan kepelbagaian media adalah untuk mempelbagaikan rangsangan yang melibatkan perubahan penggunaan deria-deria pelajar.⁶² Selain itu juga, matlamat utama dalam kepelbagaian ini adalah untuk meningkatkan kefahaman para pelajar dan dapat menarik perhatian mereka untuk lebih fokus sekali gus dapat memahami konsep yang diajar.⁶³

Menurut Cikgu Norfarahwahyida dan Cikgu Norseha, media yang kerap dan pasti digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di PASTI Ummu Aiman ialah media lisan. Hal ini kerana, dalam setiap aktiviti yang dilakukan memerlukan media tradisional ini untuk menyampaikan mesej-mesej pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi, guru-guru PASTI menggunakan metodologi pengulangan terhadap hafalan doa, surah-surah, hadis-hadis dan juga nasihat-nasihat dalam setiap permulaan aktiviti mereka setiap hari.

Pada usia empat tahun, kanak-kanak memerlukan media pendidikan yang sesuai agar mereka dapat memahami dengan baik pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru.⁶⁴ Berdasarkan temuramah dengan guru PASTI Ummu Aiman, para guru berpendapat bahawa alat yang paling berkesan untuk kanak-kanak pada usia begini ialah kad imbas. Kad imbas bergambar mahupun bernombor atau berabjad dilihat

⁶¹ Cv. Rajawali *Media Pendidikan Pengertian, Pengembangan dan Manfaatnya* (Jakarta: Pustekkom Dikbud dan CV Rajawali, 1986), 8.

⁶² Shahabuddin bin Hashim, Rohizani binti Yaakub & Mohd Zohir bin Ahmad, Rohizani Yaakub *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan* (Selangor: PTS Profesional publishing Sdn Bhd, 2007), 161.

⁶³ Noor Azlan bin Ahmad Zanzali & Nurdalina binti Daud, “Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik” dicapai 27 April 2014 http://eprints.utm.my/10261/2/Nurdalina_binti_Daud.pdf.

⁶⁴ Rudi Susilana, *Ilmu dan Aplikasi Pendidikan*. (Jakarta : PT Imperial Bhakti Utama, 2007), 206.

sebagai media yang sangat signifikan dan sesuai diaplikasikan terhadap kanak-kanak.⁶⁵

Hal ini kerana pelbagai aktiviti boleh dilakukan menggunakan kad imbas dan aktiviti yang dilakukan mampu menarik minat kanak-kanak khususnya kad imbas yang berwarna-warni.⁶⁶ Warna-warna yang menarik mampu mencambahkan minat kanak-kanak untuk belajar dan mengelakkan mereka daripada merasa bosan.⁶⁷ Kesan visual juga mampu menambahkan memori dan meningkatkan kefahaman para pelajar.⁶⁸ Tambahan lagi, Menurut Cikgu Norfarahwahyida kanak-kanak lebih cenderung untuk melihat di depan mata sendiri dan media ini dapat membantu memberi gambaran yang jelas tentang topik yang dibincangkan.

“Kad imbas banyak membantu dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Mereka nak nampak depan mata”⁶⁹

Seperti yang dijelaskan oleh Briggs dan Wager (1981), jika pembelajaran tersebut berkaitan dengan kognitif seperti kemahiran intelek, maklumat berbahasa dan strategi kognitif, guru sewajarnya memilih media yang serendah mungkin dalam susunan Kon Dale asalkan media tersebut dapat membantu pembelajaran.⁷⁰ Justeru sepanjang pemerhatian pengkaji juga mendapati bahawa kad imbas ini mampu memberi kesan yang maksimum untuk menarik minat para pelajar mahupun meningkatkan kefahaman mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Antara aktiviti yang menggunakan kad imbas sepanjang pemerhatian pengkaji selama seminggu ialah ketika belajar mengenal huruf AEIOU, mengenal huruf ABC, mengeja nama, mengenal huruf jawi, mengenal nombor dan aktiviti membaca doa.

⁶⁵ Norfarahwahyida bt Dzozali, Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aiman. Temubual pada 23 Mei 2011

⁶⁶ Abd. Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2003),

⁶⁷ Mohd. Sharani Ahmad *Psikologi Kanak-Kanak*. (Batu Caves: PTS Profesional, 2006), 171.

⁶⁸ Wendy Bowket 100 Panduan Membina Amalan yang Baik dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (Kuala Lumpur : Institut Penerjemahan Negara, 2012), 146.

⁶⁹ Norfarahwahyida bt Dzozali, Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aiman. Temubual pada 23 Mei 2011

⁷⁰ Yusup Hashim, *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti, 1997), 165.

Di PASTI Ummu Aiman, kad imbas telah dipelbagaikan bermula dari huruf-huruf dan abjad-abjad hingga kepada kad imbas bergambar. Di samping itu, guru juga meletakkan kad imbas di sudut-sudut seperti sudut Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Kad imbas di PASTI Ummu Aiman telah disediakan oleh Bahagian Kurikulum pada awalnya dan kemudian dihasilkan sendiri oleh guru. Pelbagai kad imbas telah dihasilkan untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di PASTI Ummu Aiman.

3.10 Pengajar sebagai individu penting dalam penggunaan media pendidikan

Pengajar ataupun guru merupakan individu yang sangat penting dan berpengaruh di sekolah. Seperti juga di PASTI Ummu Aiman, guru merupakan watak utama dalam kehidupan murid-murid khususnya kelas empat tahun.⁷¹ Terdapat dua orang guru yang telah ditugaskan untuk menjadi guru tetap khusus untuk kelas K4T, mereka berdua ialah Cikgu Norfarahwahyida binti Dzozali, 29 tahun dan Norseha binti Dzozali, 24 tahun.

Cikgu Norfarahwahyida ialah guru yang telah berpengalaman selama 5 tahun mengajar secara khusus kurikulum empat tahun, manakala Cikgu Norseha baru dua tahun berkhidmat di PASTI Ummu Aiman. Walau bagaimanapun kedua-dua guru ini saling lengkap-melengkap ketika di dalam kelas kerana kelas yang menggunakan Kurikulum Empat Tahun haruslah mempunyai dua orang guru dalam satu masa. Hal ini kerana kanak-kanak lebih memerlukan perhatian dan tunjuk ajar serta memudahkan proses pengajaran.⁷²

⁷¹ Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed, Abd. Ghani Abdullah, *Guru Sebagai Pemimpin* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, 2007), 56.

⁷² Saayah Abu, *Menjadi Guru Tadika* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, 2007), 206.

Menurut Puan Khairiah, guru-guru PASTI yang berkhidmat sekarang mempunyai tahap pendidikan yang paling tinggi iaitu tahap Ijazah Sarjana Muda. Terdapat juga pemegang ijazah ini yang menjadikan PASTI sebagai persinggahan sementara untuk mendapatkan pekerjaan lain yang lebih baik dan gaji yang lebih lumayan.⁷³ Menurut beliau lagi, guru-guru PASTI dipilih berdasarkan asas ilmu agama yang ada seperti mampu mengajar bacaan-bacaan al-Quran dengan betul manakala kelebihan akademik berada di tahap kedua.

Di samping itu juga PASTI telah menyediakan jadual yang lengkap berserta dengan aktiviti-aktiviti yang akan dilakukan oleh guru di PASTI.

“Kita telah menyediakan kepada guru-guru PASTI jadual lengkap untuk mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti. Kami telah menyediakan bahan pengajaran yang lengkap untuk setahun berserta dengan alat dan cara bagaimana untuk mengajar.”⁷⁴

Di samping itu juga, guru-guru PASTI telah diberikan kursus-kursus berkala berdasarkan modul kursus guru yang dihasilkan oleh pihak PASTI sendiri. Setiap guru akan diberikan kad dan akan ditanda berdasarkan kursus yang telah dihadiri. Guru-guru perlu menghadirkan diri dalam kursus-kursus ini untuk mendapatkan sijil dan pengiktirafan sebagai guru PASTI. Guru yang sedang bertugas akan sentiasa dipantau oleh pihak penyelarasaran kurikulum untuk memastikan para guru mengaplikasikan segala perancangan secara sistematik dan menjalankan tugas dengan amanah.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah diketahui bahawa aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh guru adalah berdasarkan buku panduan mengajar yang telah disediakan oleh bahagian kurikulum PASTI. Di samping itu, guru juga tidak dihalang untuk

⁷³ Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

⁷⁴ *Ibid.*

menambah dan memperelokkan lagi aktiviti yang sedia ada selagi ia tidak bercanggah dengan falsafah PASTI itu sendiri. Sebagai buktinya, guru-guru di PASTI Ummu Aiman bebas menyediakan tambahan input-input baru yang sesuai dengan isu semasa kepada para pelajar dan tidak sahaja terikat dengan apa yang disediakan oleh PASTI atau silibus yang terdapat dalam kursus-kursus yang diajar.⁷⁵

Begitu juga dengan penggunaan media pendidikan di PASTI Ummu Aiman. Walaupun bahagian kurikulum telah menyediakan secara lengkap berkenaan dengan aktiviti dan bantu bantu mengajar atau media pendidikan namun guru tetap juga diberi ruang untuk berkreativiti dan menghasilkan media pendidikan yang bersesuaian dengan masa dan keadaan kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak akan berasa bosan apabila melakukan aktiviti yang sama dan mereka memerlukan pengalaman baru untuk diterokai.⁷⁶ Pemilihan media ditentukan oleh guru berdasarkan tahap kanak-kanak dan kesesuaian waktu. Seperti yang telah diperkatakan dalam bab-bab terdahulu bahawa pada usia empat tahun adalah waktu kanak-kanak menjelajah dan mempunyai sifat ingin mencuba sesuatu yang baru.⁷⁷

“saya akan minta bantuan dan pandangan Puan Khairiah berkenaan dengan aktiviti dan alat-alat yang akan digunakan”⁷⁸

Selain itu juga, menurut Puan Norita⁷⁹, segala peralatan dan kemudahan disediakan oleh PASTI pusat pada permulaan penubuhan sahaja seperti sudut-sudut

⁷⁵ Cikgu Norfarahwahyida, (Guru Kurikulum Empat Tahun PASTI), dalam temubual dengan pengkaji pada 11 mei 2012.

⁷⁶ Mohd. Azhar Abd. Hamid, Meningkatkan Daya Fikir (Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd., 2007), 9.

⁷⁷ Jas Laile Suzana Jaafar Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja (Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd. 2008), 124

⁷⁸ Cikgu Norfarahwahyida, (Guru Kurikulum Empat Tahun PASTI), dalam temubual dengan pengkaji,

⁷⁹ Puan Norita, (Pembantu tadbir di PASTI Ummu Aiman), dalam temubual dengan pengkaji pada 11 mei 2012.

pembelajaran yang terdapat di PASTI dan seterusnya akan ditanggung sepenuhnya oleh PASTI kawasan.

Proses pengajaran dan pembelajaran di PASTI berlangsung seperti yang terdapat dalam jadual yang telah disertakan dalam bab 3. Pemilihan media pendidikan menurut Cikgu Norfarahwahyida adalah bergantung kepada kesesuaian tema pada bulan tersebut. Pendekatan menggunakan tema adalah satu pendekatan menyeluruh dan dapat merangkumi aspek komponen pembelajaran yang luas. Pendekatan ini menyentuh komponen seperti kognitif, Pendidikan Islam, bahasa, fizikal dan sosioemosi.⁸⁰

“Bergantung pada temalah. Contohnya tema bulan tiga dan empat ialah Allah maha pencipta. Kami bawa binatang yang sebenar. Cari binatang yang mudah-mudah saja. Contohnya guna cicak atau lipas dan letakkan dalam plastik agar dia orang nampak bentuk binatang tersebut yang sebenar”⁸¹

Menurut Cikgu Norfarahwahyida para pelajar dilihat sangat teruja apabila beliau menggunakan media realia ataupun bahan maujud berdasarkan tema yang telah ditetapkan. Mereka sangat berminat dan berusaha untuk menyertai aktiviti yang dilakukan kerana tema yang disusun oleh pihak PASTI adalah sangat sesuai dengan dunia kanak-kanak. Ujar Cikgu Norfarahwahyida lagi, sepanjang beliau mengajar dan menggunakan pendekatan ini, ia sangat membantu dalam memberi kefahaman kepada para pelajar tentang sesuatu topik dan memudahkan guru dalam merencana aktiviti.

Di samping itu juga, para pelajar diberi kebebasan pada setiap hari Selasa dan Khamis untuk bermain di sudut-sudut yang disediakan di PASTI. Mereka akan memilih sendiri sudut-sudut yang disukai dan dipantau oleh guru untuk memastikan keselamatan

⁸⁰ Rohani Abdullah (et.al), *Panduan Kurikulum Prasekolah*. (Kuala Lumpur: PTS Profesional Pendidikan, 2005), 39.

⁸¹ Cikgu Norfarahwahyida, (Guru Kurikulum Empat Tahun PASTI), dalam temubual dengan pengkaji,

mereka. Hal ini kerana, menurut Cikgu Norfarahwahyida dan Cikgu Norseha terdapat kanak-kanak yang suka menggigit dan mengulum mainan dan ditakuti akan mengakibatkan kemalangan.

Kesimpulannya, guru merupakan individu yang penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran walaupun media yang digunakan itu adalah canggih dan hebat. Sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran guru akan merancang dan merangka terlebih dahulu matlamat dan objektif pengajaran yang ingin disampaikan. Walau bagaimanapun guru PASTI sangat bertuah, kerana telah diberi buku garis panduan lengkap tentang aktiviti dan media yang dicadangkan untuk diaplikasikan kepada kanak-kanak. Hal ini kerana, buku garis panduan ini akan memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi pihak guru. Sehubungan dengan itu, wujud kolaborasi idea yang hebat antara bahagian Kurikulum PASTI dan guru PASTI dalam melahirkan generasi muslim yang berkualiti.

3.11 Masalah Media dalam Pendidikan Islam di PASTI Ummu Aiman

Tidak terdapat banyak masalah yang dikenal pasti dalam penyediaan media pendidikan Islam di PASTI Ummu Aiman. Antara masalah yang dikenal pasti ialah bahan-bahan yang digunakan di PASTI Ummu Aiman dibimbangi akan membawa kecederaan kepada para pelajar misalnya blok kayu dan bahan-bahan yang kecil jika pemantauan tidak dilakukan secara terperinci. Kebimbangan itu disuarakan oleh cikgu Norfarahwahyida tentang masalah yang dilalui iaitu terdapat para pelajar yang suka mengulum dan menggigit permainan. Tetapi setelah dinasihati oleh guru, maka perbuatan seperti itu semakin berkurangan. Walau bagaimanapun guru-guru akan sentiasa mengawal tingkah laku murid agar tidak berlaku kemalangan yang tidak diingini.

3.12 Kesimpulan

Zaman kanak-kanak merupakan zaman yang terbaik untuk memberikan pendidikan dan mengembangkan potensi mereka. PASTI Ummu Aiman telah mengambil langkah yang bijak dan proaktif dengan memperkenalkan kurikulum empat tahun khusus untuk kanak-kanak yang berusia tiga dan empat tahun sahaja. Kurikulum ini dilihat sangat relevan memandangkan pada usia tiga dan empat adalah masa yang terbaik kerana pada usia begini sel-sel otak kanak-kanak bertambah dengan cepat. Sekaligus mampu melahirkan generasi kanak-kanak soleh pintar yang dikehendaki dan diimpikan oleh ibu bapa dan PASTI Ummu Aiman. Walaupun pada hakikatnya PASTI bukanlah satu institusi prasekolah yang mempunyai peralatan yang canggih khususnya dari segi media pendidikan tetapi para pendidik masih lagi mampu menyampaikan pengajaran dengan baik dan efektif.